

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (87)

31 Julai 2022  
2 Muharram 1444H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 27/2022 PEMBATALAN SYARAT VAKSIN COVID-19 BAGI PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 120 bertarikh 17 Julai 2022 telah bersetuju meluluskan dan menggunapakai Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA.800-3/2/1(45)) bertarikh 27 April 2022 mengenai Pembatalan Syarat Vaksin Covid-19 bagi Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022.

2. Rentetan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 April 2022 berhubung Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2022, Kerajaan atas dasar keprihatinan dan keseragaman polisi telah bersetuju supaya **Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2022 sebanyak RM700.00 turut dibayar** kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah **yang tidak mengambil vaksin**.

3. Dengan berkuat kuasanya pemakaian surat edaran tersebut, Perkara 3.6 di dalam surat Bil. JPA.800-3/2/1 (32) bertarikh 20 Disember 2021 adalah **terbatal** iaitu mengenai:

3.1 *Pegawai yang tidak mendapatkan dos imunisasi COVID-19 yang lengkap selain atas sebab kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar.*

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah